

Kembara Madu Tualang



Besut: Institut AGROPOLIS Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan kerjasama UniSZA B-(Bikers) Care menganjurkan Program Kembara Bermotosikal Mencari Madu Tualang Jerteh yang terkenal dengan pelbagai khasiat semula jadinya.

Program sehari itu turut disertai penduduk setempat serta 29 penunggang motosikal berkuasa tinggi sekitar Kuala Terengganu, Besut, Selangor, Negeri Sembilan dan Putrajaya.

Pelbagai aktiviti

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Pembangunan UniSZA, Prof Dr Mohd Ekhwan Toriman, berkata antara aktiviti yang dijalankan ialah taklimat mengenai madu lebah, demonstrasi mengambil madu tualang dan kaedah membela lebah tualang.

“Oleh sebab lebah ini hidup dalam kawasan tropika dan



Sebahagian daripada hasil madu tualang yang berjaya diturunkan.

berhijrah secara bermusim, pihak AGROPOLIS UniSZA tidak mahu ketinggalan untuk mengenali lebah tualang dengan lebih dekat menerusi ekspedisi seumpama ini.

“Kepenatan berjalan kaki selama satu jam setengah bagi meredah hutan simpan Jerteh bagai tidak terasa apabila peserta berpeluang melihat sendiri proses bagaimana madu tualang diambil dari hutan,” katanya ketika merasmikan program berkenaan.

Meningkatkan ekonomi

Prof Mohd Ekhwan berkata, AGROPOLIS UniSZA bekerjasama dengan pencari lebah madu tualang untuk mengkomersialkan madu berkenaan di bawah jenama ‘Madu Tualang Jerteh’ bagi membantu meningkatkan ekonomi mereka.

Untuk tujuan itu, katanya, sebuah kawasan di Pasir Akar telah dikenal pasti universiti

sebagai lokasi program itu dan menjadi hab kajian saintifik lebah madu di Malaysia kelak.

Sementara itu, pemanjat dan pencari madu lebah tualang, Yunus Ismail, berkata pada musim ini, bilangan sarang untuk setiap pokok boleh mencecah 30 hingga 60 manakala hasil pengumpulan madu boleh mencapai sehingga 20 kilogram.

“Madu dalam setiap sarang boleh dituai sehingga lima kali dalam masa tiga hingga empat minggu. Antara prosesnya ialah mengasap, menaik dan menurunkan baldi untuk mengisi madu.

“Khasiat tinggi dalam madu tualang menjadikannya sering mendapat permintaan ramai sehingga harganya boleh mencecah RM80 sekilo,” katanya yang sudah 20 tahun berpengalaman mencari dan menuai madu tualang.